



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 1 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	APMM RAMPAS 18 BUBU NAGA DI PERAIRAN PERLIS, SINAR NEGERI P.PINANG/KEDAH/PERLIS, SH -26 LINDUNGI TERUMBU KARANG DI DUA PULAU, LOKAL, HM -13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	BAKTI MADA 50 TAHUN, PENCAPAIAN MEMBANGGAKAN, SAMBUTAN JUBLI EMAS ULANG TAHUN KE-50 PENUBUHAN MADA, SH -20	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4. 5.	PERAK BENAR GUNA TANAH KERAJAAN NEGERI, SINAR NEGERI PERAK, SH -27 BUAT 'LIVE' TENGAH LAUT, NUANSA, HM -20	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2020	SINAR HARIAN	SINAR ANGGOTA P.PINANG/ KEDAH/PERLIS	26

APMM rampas 18 bubu naga di perairan Perlis

KANGAR - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis merampas sebanyak 18 bubu naga di dua lokasi bertampan semalam.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Mohd Shafie Paing berkata, dua rampasan itu dibuat pada kedudukan lebih kurang 1.3 batu nautika daripada barat daya muara sungai Sanglang dan 1.5 batu nautika daripada barat pantai Sungai Baharu kira-kira jam 5.15 pagi dan jam 5.45 pagi.

“Ketika operasi bermula pada jam 9 malam kelmarin, bot peronda APMM telah mengesan beberapa batang kayu yang dijadikan pancang, dipasang sebagai penanda kepada bubu naga yang ditinggalkan individu yang tidak bertanggungjawab di perairan berkenaan,” katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Katanya, kesemua bubu naga yang dirampas dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan

selanjutnya.

Mohd Shafie berkata, sikap tamak segelintir individu menggunakan bubu naga untuk menangkap ikan menyekat dan menggugat rezeki nelayan tempatan lain serta turut memusnahkan ekosistem laut negara.

Katanya, mereka yang melakukan kesalahan tersebut boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan. - *Bernama*

1/7/2020

HARIAN
METRO

LOKAL

13

Lindungi terumbu karang di dua pulau

Melaka: Pulau Besar dan Pulau Undan, kira-kira dua batu nautika dari Permu dan Umbai di sini, bakal dinaik taraf sebagai Taman Laut berdasar kekayaan terumbu karang dan sumber perikanan yang tidak lama lagi.

Setakat ini hanya Pulau Besar diwartakan sebagai Kawasan Larangan Perikanan mengikut Peraturan Perikanan (Kawasan Larangan) 1994 yang mencerah

aktiviti menangkap ikan. Apabila diwartakan sebagai Taman Laut, segala aktiviti menangkap ikan, mengambil, memindah serta memusnahkan batu karang di perairan satu pulau bertika kedua-dua pulau berkenaan dilarang sama sekali.

Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Na-

war Abdul Karim berkata, kajian mengenai cadangan itu beberapa kali dilakukan termasuk ekspedisi mengenal pasti jenis batu karang dan ikan di sekitar kedua-dua pulau berkenaan sejak beberapa tahun lalu.

"Gugusan Pulau Besar ada sembilan rai Pulau Besar, Hantu, Serimbun, Lalang, Dodol, Nangka, Hanyut, Bu-

rung dan Undan tetapi hanya Pulau Besar diwartakan mengikut peraturan itu dan sesiapa menangkap ikan di perairan satu batu nautika boleh didakwa mengikut Seksyen 25(b) Akta Perikanan 1985.

"Mengikut peraturan untuk menjadikan Taman Laut, perairan dua batu nautika diwartakan sebagai ka-

wasan larangan aktiviti menangkap ikan dan mengambil batu karang, tetapi bagi Pulau Besar dan Pulau Undan, kami cadangkan hanya satu batu nautika selepas mengambil kira kepentingan nelayan mencari rezeki," katanya pada program mengenai pasti terumbu karang di Pulau Besar di sini, semalam.



Sesiapa menangkap ikan di perairan satu batu nautika di Pulau Besar dan Pulau Undan boleh didakwa"

Nawar Abdul Karim



PENYELAM meninjau spesies terumbu karang di Pulau Besar.

1/7/2020

SINAR
HARIANSAMBUTAN JUBLI
EMAS ULANG TAHUN
KE-50 PENUBUHAN
MADA

20

20

RABU 1 JULAI 2020 • SINAR HARIAN



AHMAD TARMIZI

Bakti MADA 50 tahun, pencapaian membanggakan

Sebahagian daripada sejarah penting industri padi negara

Oleh ROSLINDA HASHIM

Bakti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) boleh dibanggakan sejak ditubuhkan pada 30 Jun 1970. Pada tahun ini, genaplah usianya 50 tahun, sambutan Jubli Emas pastinya dinantikan kerana MADA adalah sebahagian daripada sejarah penting industri padi negara. Biar-

pun Pengerusi MADA bersilih ganti, namun hala tuju dan visi MADA tetap relevan dalam meningkatkan industri padi ke tahap lebih kompetitif. Sempena meraikan ulang tahun MADA ke-50, *Sinar Harian* berkesempatan menemu-bual Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman yang dilantik pada 16 Mei lalu.

SINAR HARIAN: Boleh kongsi sejarah awal penubuhan MADA dan apakah peranan dimainkan agensi ini ketika itu?

AHMAD TARMIZI: Kawasan Muda merupakan jela-pang padi terbesar di Malaysia merangkumi kawasan seluas 130,282 hektar di mana 100,685 hektar merupakan kawasan penanaman padi yang terletak di negeri Kedah dan Perlis. Ia merupakan projek pertanian terbesar bawah Rancangan Malaysia Pertama (RMK1) dimulakan oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Ketika itu, kerajaan mahu mengubah sistem penanaman padi kepada dua kali setahun dan meng-gabungkan fungsi dua agensi iaitu Jabatan Parit dan Tali Air (JPT) dan Jabatan Pertanian yang dipisahkan sebelum MADA diwujudkan.

Matlamat menubuhkan MADA yang dirasmikan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Hussien adalah untuk memajukan kesejahteraan hidup penduduk desa yang sebahagian besar ketika itu hidup di bawah

paras kemiskinan dengan pendapatan purata sekitar RM2,000 setahun. Matlamat seterusnya adalah untuk menghasilkan keperluan makanan negara dengan menasaskan Dataran Muda sebagai tempat tersedia dengan sawah padi sebagai industri tradisi.

Peranan awal agensi ini amat besar dalam memacu industri padi menyaksikan kejayaan membasmi kemiskinan sehingga kurang daripada satu peratus sehingga tahun 2018 dengan purata pendapatan melebihi RM33,827 setahun berbanding RM2,095 setahun pada era 1970-an.

Bagaimana untuk MADA kekal relevan pada masa kini terutama dalam meningkatkan hasil padi?

Program pengembangan pertanian dan pengairan menjadi nadi utama yang membolehkan MADA terus kekal relevan. MADA mempunyai seramai 622 pegawai pengem-bangan di lapangan yang bergerak mendampingi petani bagi menyalurkan maklumat dan menyampaikan teknologi ke-



Warga kerja MADA membea ikur pada sambutan Jubli Emas di Ibu Pejabat Mada, Alor Setar baru-baru ini.

pada petani dalam meningkatkan hasil padi. Pegawai barisan hadapan inilah yang menjadi tonggak perhubungan antara MADA dan petani.

Pelbagai usaha dilakukan, antaranya kita berjaya kekalkan kawasan Muda sebagai jela-

pang padi utama negara dengan memperkenalkan program peningkatan hasil padi 10 tan sehektar. Selain pelaksanaan projek separa ladang seawal tahun 1990 sebagai usaha mengkomersialkan penanaman padi, ested padi berpusat dan pengenalan beberapa teknologi pertanian baharu seperti dron penyemburan racun dan jentuai mini untuk melonjakkan pengeluaran padi. Secara bandingan, purata hasil sekitar 3.37 tan/hektar pada 1965, meningkat kepada 4.67 tan/hektar (1980), 5.97 tan/hektar (2011) dan tertinggi pada 2014 cecah 6.49 tan/hektar.

Faktor pengairan, cuaca dan infrastruktur antara penyumbang kepada peningkatan hasil namun bukan mustahil untuk capai sasaran 10 tan/hektar kerana sudah ada beberapa kawasan berjaya melakukannya. Transformasi pengurusan ta-

BIDDATA

Nama: Ahmad Tarmizi Sulaiman
Umur: 44 tahun
Asat: Kampung Sungai Pau, Sik Jawatani Pengerusi MADA, Ahl Fathimi Sik, Pengerusi Yayasan Isri Malaysia
Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang Universiti Malaysia

naman padi berskala besar (PPSB) di kawasan Muda turut diperkenalkan dengan menyasarkan setiap petani mengusahakan sekurang-kurangnya lima hektar sawah padi.

Apa tumpuan MADA buat masa ini untuk bantu petani tingkatan pendapatan?

Kita mahu perkasakan PPSB dengan menasaskan pengli-batan 20,000 pengusaha dan 300 usahawan padi. Ini bermakna pengusaha sawah sedia



Ahmad Tarmizi menyampaikan amanat ketika berucap pada sambutan Jubli Emas MADA.

1/7/2020

SINAR
HARIANSAMBUTAN JUBLI
EMAS ULANG TAHUN
KE-50 PENUBUHAN
MADA

21

Sambutan Jubli Emas Ulang Tahun Ke-50 Penubuhan MADA

ada perlu tingkatkan keluasan kepada lima hektar bagi capai pendapatan RM4,000/bulan dan mampu keluar daripada kelompok B40. Usahawan padi muda di galakkan mengusahakan sehingga 50 hektar tanaman padi untuk mencapai pendapatan bulanan sehingga RM15,000/bulan.

Untuk menjayakan projek ini, fungsi 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) akan diperkukuhkan sebagai penghubung antara petani dan kerajaan. Buat masa ini, sesi penerangan masih dijalankan berikutan masih ada petani belum bersedia bergabung dalam kelompok besar. Kita turut mengumpul kisah kejayaan projek perintis ini untuk dijadikan contoh kepada petani.

Bagaimana untuk cetuskan minat usahawan muda ceburi sektor pertanian sebagai pelapis?

Program Usahawan Muda Tani dilancarkan untuk menarik minat anak muda dalam industri padi dengan menubuhkan MADA Rice Training Center (MRTC). Ini kerana purata umur petani dalam lingkungan 60 tahun menyebabkan produktiviti menurun. Kita mahu anak-anak mereka ambil alih meneruskan kerjaya tradisi ini dengan wawasan yang lebih luas, berpengetahuan tinggi dalam pertanian dan komited sebagai usahawan muda tani sepenuh masa. MRTC menjadi medan terbaik mengasah bakat mereka di mana seramai 355 graduan dilahirkan sejak tahun 2012. Kita akan giatkan promosi agar MRTC muncul sebagai pusat latihan kemahiran pertanian terkemuka dalam sektor industri padi.

Apa perancangan terbaru MADA terutama dalam penggunaan teknologi agar tidak terpinggir oleh arus Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)?

Kita sedang membangunkan sistem data besar dikenali sebagai MADAGIS iaitu aplikasi membuat keputusan yang menggunakan satelit untuk menghasilkan pemetaan sawah padi untuk peroleh data tepat contohnya kita berdepan cabaran untuk kekalkan keluasan 100,685 hektar kawasan tanaman padi MADA tanpa berlaku pengecilan saiz di luar pengetahuan kita. Sistem integrasi ini membolehkan pemantauan dibuat dan dianalisis sebelum keputusan dilaksanakan. Ia antara usaha pemudahan di kawasan



Warga kerja MADA daripada pejabat bahagian, wilayah dan PPK ditinkan sempena sambutan Jubli Emas MADA.

MADA dan dibangunkan oleh MADA sendiri, sistem ini dijangka dapat beroperasi dalam tempoh satu hingga dua tahun lagi. Kita akan bekerjasama dengan Kementerian Sains dan Teknologi untuk kukuhkan sistem aplikasi ini.

MADA akan meneliti kaedah teknologi baharu sebagai persediaan berdepan musim kemarau panjang seperti yang berlaku penghujung tahun lalu yang berlarutan sehingga awal Februari. Ini kerana ia memberi kesan kepada takungan empangan dan saliran sawah padi. Walaupun ia meninggalkan kesan untuk tanaman musim kedua kali ini, namun ia dapat diatasi secara berperingkat.

Mengambil alih MADA pada pertengahan tahun, apakah sasaran utama yang ingin dicapai dalam tempoh singkat ini?

Kunci kejayaan adalah menggembeng idea dan tenaga antara pembuat dasar dan pelaksana. Dalam tempoh ber-



Ahmad Tarmizi (dua dari kiri) menyempulkan hadiah pertandingan Suktir 60 Tahun MADA dibertal semua bahagian, wilayah dan PPK baru-baru ini.

baki enam bulan ini (tahun ini), kita akan gariskan keutamaan untuk MADA kekal relevan dalam sektor padi dan industri makanan. Ada beberapa perkara sedang diteliti terutama selepas kesan pandemik koronavirus (Covid-19).

Persediaan harus dibuat untuk kita lebih bersedia hadapi situasi lebih sukar pada masa depan dalam penghasilan makanan untuk rakyat. MADA terus kekal sebagai penyum-

bang terbesar pengeluaran makanan negara iaitu 40 peratus sasaran kita untuk perluaskan pencapaian itu dan akan perhalusi aspek penyampaian, bantuan subsidi kerajaan agar digunakan secara optimum oleh petani.

Kita bukan lagi bercakap mengenai keselamatan makanan tetapi ke arah kedaulatan makanan iaitu penghasilan makanan oleh rakyat negara itu sendiri. Aspek lain adalah un-

tuk hasilkan beras lebih berkualiti melalui penghasilan padi kurang penggunaan bahan kimia dan racun. Amalan pertanian baik perlu dipraktikkan agar dapat menghasilkan padi dan beras berkualiti tinggi selain menggunakan varieti lebih baik.

Apakah hala tuju MADA di bawah RMK-12?

MADA akan memfokuskan kepada pertanian pintar dan bernilai tinggi. Lima aspek menjadi sasaran iaitu meningkatkan produktiviti pengeluaran padi; meningkatkan pendapatan petani; meningkatkan keluasan tanaman padi berkala besar kepada 10,000 hektar; melahirkan 2,800 usahawan bukan padi berbanding 2,546 serta meningkatkan peratusan sumbangan padi negara dari 40 peratus kepada 42 peratus.

Akhir sekali, sempena Sambutan Jubli Emas Ulang Tahun ke-50 Penubuhan MADA ini apakah ucapan kepada warga MADA dan petani?

MADA dan petani ibarat saudara kembar, menyuap nasi kepada rakyat Malaysia. Sudah pasti saya bangga jerih perib petani kerana saya juga berasal dari keluarga petani. Walaupun golongan ini tidak sekaya ahli perniagaan namun mereka adalah nadi penggerak utama negara. Tanpa petani siapalah kita, yang menyumbang penghasilan makanan negara. Selama 50 tahun MADA berdepan pelbagai cabaran sehingga berjaya bangunkan agensi ini dengan sistem pertanian terbaik dalam negara. Terima kasih warga MADA yang beri komitmen memperjuangkan nasib pak tani.



Ahmad Tarmizi (tiga dari kanan) bersama Pengurus Besar MADA, Datuk Fouzi Ali (dua dari kiri) ketika simbolik penanaman Jubli Emas MADA baru-baru ini.

Perak benar guna tanah kerajaan negeri

Hanya untuk tujuan pertanian dengan kebenaran PPPNP

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Kerajaan Perak tidak menghalang mana mana individu untuk mengusahakan tanah milik kerajaan negeri bagi tujuan pertanian asalkan mendapat kebenaran daripada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP).

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, pihak PPPNP kini sedang menjalankan pemutihan kawasan penerokaan haram pertanian di negeri itu bagi membolehkan petani meneruskan usaha mereka.

Menurutnya, pada tahun

lalu, sejumlah 1,165 hektar tanah telah selesai menjalani proses pemutihan manakala pada tahun ini, jumlah kawasan yang berjaya menjalani proses itu sebanyak 228 hektar.

"Saya ingin menguar-uarkan kepada mereka yang masih mengusahakan secara tidak sah supaya tampil ke depan bertemu dengan kerajaan negeri atau PPPNP bagaimana mereka boleh teruskan usaha dengan cara yang sah. Sehingga kini, lebih 300 petani yang berjaya mengusahakan tanah tersebut secara sah.

"Kita tidak memaksa mereka yang telah diteroka, sebaliknya kita mahu ia diusahakan secara sah sekali gus PPPNP memperoleh pendapatan hasil pajakan tanah tersebut," katanya kepada pemberita sempena Majlis Penyampaian Simbolik Projek Pemacu Agrotani Perak (Pemacu) dan Skim Usahawan Agroprihatin di Pejabat PPPNP



Yahanis (dua dari kanan) menyerahkan replika cek bantuan Skim Agro Prihatin Perak kepada salah seorang penerima sambil disaksikan Ahmad Faizal (tengah), Abdul Yunus dan Zainol Faizi (kanan) di Pejabat PPPNP semalam.

di sini semalam.

Hadir sama, Exco Pertanian, Perikanan, Perlindungan dan Sekuriti Makanan Perak, Datuk Abdul Yunus Jamahri; Penasihat Menteri Besar Perak, Datuk

hektar untuk tujuan pertanian, namun bagi penternakan udang pula dikenakan RM2,000 setahun bagi satu hektar.

Ahmad Faizal berkata, sehingga kini, sebanyak 3,494 hektar tanah kerajaan negeri milik PPPNP yang belum menjalani proses pemutihan daripada penerokaan haram.

Katanya, dua kawasan utama yang melibatkan penerokaan haram adalah di kawasan Kaupar dan Tapah.

Bagaimanapun, menurutnya, bagi pengusaha haram korporat pula, mereka tidak akan sewenang-wenangnya diberikan kebenaran mengusahakan tanah secara sah, sebaliknya tindakan mahkamah dikenakan kerana menceroboh tanah kerajaan.

Dalam pada itu, Ahmad Faizal menjelaskan, PPPNP menasaskan untuk melahirkan 1,000 usahawan agrotani dalam masa tiga hingga lima tahun menerusi pelbagai projek yang dipertingkatkan.

NELAYAN mempunyai pelbagai cabaran ketika berada di laut.



BUAT 'LIVE' TENGAH LAUT

Daud guna peranti pintar kongsi hasil tangkapan menerusi media sosial sebelum dijual

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

"Sekarang cara tangkapan ikan sudah moden tidak macam dahulu. Kita gunakan telefon pintar untuk tahu pelbagai maklumat mengenainya." Itu antara butir temu bual yang menarik perhatian penulis tatkala menonton video pendek yang berdurasi dua minit 29 saat itu.

Jawapan nelayan, Daud Lamat, 57, itu jelas menunjukkan penggunaan teknologi masa kini sudah luas.

Tidak hanya tertumpu hanya kepada mereka yang bertali leher di pejabat semata-mata.

Lebih menarik, bukan hanya Daud, malah rakan 'sejawatnya' turut menggunakan kaedah itu untuk berkongsi maklumat. Tidak sekadar berinteraksi menggunakan peranti pintar, malah turut terdapat tripod bagi menstabilkan kedudukan telefonnya di atas bot.

Sekali pandang tidak ubah seperti seorang pemandu meletakkan telefon pintar di atas papan pemuka kenderaan!

Video yang dikongsi bersama Facebook Malaysia itu sebahagian daripada 'Community Voices' di mana ia meraikan bagaimana teknologi mendekatkan lagi hubungan warga dunia

MENGGUNAKAN telefon pintar dan aplikasi komunikasi banyak memberi manfaat nelayan.



dengan mempamerkan kejayaan menerusi beberapa siri filem pendek.

Dalam video itu, Daud menceritakan mengenai dirinya sebagai nelayan di Miri, Sarawak yang menggunakan teknologi

mudah alih sebagai alat bantuan yang memudahkan nelayan ketika berada di laut.

Daud berkata, penggunaan teknologi pintar yang mempunyai aplikasi perbualan seperti

WhatsApp dan Facebook antaranya menjadi alat bantuan dalam kalangan nelayan bagi menyalurkan maklumat ketika di laut.

Terutama memaklumkan mengenai lokasi yang menjadi lubuk ikan dan sebarang bahaya di laut.

"Maklumat yang dikongsi boleh membantu saya sebagai nelayan untuk memanfaatkannya ketika berada di laut. Malah, dengan adanya fungsi perbualan dalam kumpulan di dalamnya juga memudahkan kami untuk berbincang.

"Selain itu, dengan adanya teknologi sistem kedudukan sejagat (GPS) membantu nelayan untuk mengetahui lokasi terdapatnya ikan di sesuatu kawasan," katanya.

Daud turut memaklumkan dengan adanya penggunaan teknologi mudah alih menarik lebih ramai orang untuk menjadi nelayan kerana memberi banyak kemudahan khususnya lubuk mencari ikan.

Menerusi paparan video itu, penulis melihat penggunaan teknologi dalam kalangan nelayan juga dapat meningkatkan hasil jualan mereka kepada pembeli yang mungkin tidak perlu lagi menggunakan orang tengah.

"Perkara ini kerana jika nelayan dapat berkongsi tangkapan

mereka menerusi sosial media, pastinya memudahkan pembeli datang sendiri ke jeti untuk terus membeli tangkapan daripada nelayan.

"Malah, ia juga dapat memberi kemudahan kepada orang ramai untuk mengetahui hasil tangkapan yang dibawa nelayan, sekali gus mampu menimakan masa untuk membeli bahan mentah yang masih segar.

"Saya biasanya menggunakan Facebook Live sebelum bot saya tiba di jeti, menunjukkan kepada pembeli mengenai tangkapan pada hari itu. Sebaik tiba di jeti, semua pembeli yang berminat sudah menunggu kepulauan saya untuk membeli apa yang mereka mahukan dan pendapatan saya lebih terjamin," katanya.

Sementara itu, Daud juga menceritakan mengenai aktiviti menangkap bubuk iaitu udang kecil yang dijadikan pelbagai produk makanan seperti belacan, cencaluk dan boleh digoreng begitu sahaja untuk dijadikan santapan.

"Bubuk mempunyai musim tersendiri yang biasanya pada Februari atau Mac dan kita boleh jual untuk diproses menjadikannya pelbagai produk makanan tempatan," katanya.

Saya biasanya menggunakan Facebook Live sebelum bot saya tiba di jeti, menunjukkan kepada pembeli mengenai tangkapan pada hari itu. Sebaik tiba di jeti, semua pembeli yang berminat sudah menunggu kepulauan saya untuk membeli apa yang mereka mahukan dan pendapatan saya lebih terjamin

DAUD